

EDITORIAL

The current issue of *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* comprises six articles in the areas of linguistics, literature, history, geography and translation. The first article is an analysis of a well-known English literary work, i.e., *Persuasion* by Jane Austen, using a corpus stylistic approach. The article discusses how grammatical forms contribute meaning in literary texts by analysing two statistically significant nouns in the novel. The findings on the singular and plural forms of the words reveal the significant role they have in thematic meaning construction as well as the narrative techniques used in the novel.

The analysis of literary works using a linguistics approach continues in the second article in discussing humour in *As I was Passing* (2007) by Adibah Amin, a beloved Malaysian author. Informed by theory, the analysis shows that humour in her writing is realised through the clever use of cognitive shifts which induce “practical disengagement, and the sense of enjoyment that is exhilarating and liberating”. The analysis also found that Adibah’s keen understanding of humour is realised through the use of incongruities and “comical adaptations of linguistic patterns”.

The third article in this collection is a historical account of the occupation of the Tapanuli district in Indonesia by the Dutch for almost eight decades, 1849–1928. Motivated by political factors and economic ambition, the expansion of the area by the Dutch, the authors argue, was achieved with the implementation of coffee forced-farming in Tapanuli. While the forced-farming system created huge profits for the Dutch colonial government, the locals “were forcibly exploited for their labour as coolies” and the suffering of the local people according to the authors was made worse when the Tapanuli district was categorised as a taxpayer district by the end of 19th century.

The universal issue of victimisation of the poor and the weak is also addressed in the fourth article which examines the discourse of pain in Yvonne Vera’s *Under the Tongue* which is set in the Zimbabwean context. The analysis that was carried out essentially aimed to demonstrate the contribution of the language of monologue “to the creation of an atmosphere in which the pain of female body is obviously felt”. The trauma of the victims of the violent society is represented in the novel through the discordant chronology of the words of the female protagonist. Through this, the authors argue, the power of women’s speech is reclaimed by the writer in a context where the “sacrifices of women have been reduced to an invisible state by historiographers”.

The fifth article in this volume is a study of the environmental effects of the rapid emergence of houses low-lying areas in South Asia. Based on a study in the Colombo Metropolitan Region in Sri Lanka where extensive conversion of low-lying areas had taken place, the authors claim that the final output of their research can be used as “a guide and index with which to monitor, manage and shape low-lying areas during the town planning, house upgrading and rehabilitation stages”.

The final article is an interesting discussion of a new form of communication known as fansubbing that connects anime fans from around the globe. As a translation method, fansubbing is seen as a form of “collaborative practice”, i.e., an opportunity for anime fans to help audience with minimal knowledge of the source language to better understand the anime shows. Built on ideas put forth by previous works on fansub, the authors argue that despite the differences between fansubbing and conventional subtitling practices, the former is a pragmatic solution as a platform for anime fans to share their knowledge on “the source language, culture and the background of the anime” with the audience.

Hajar Abdul Rahim
Editor-in-Chief
September 2018

RENCANA PENGARANG

Isu *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* kali ini mengandungi enam buah makalah dalam bidang linguistik, kesusasteraan, sejarah, geografi dan terjemahan. Makalah pertama menganalisis sebuah karya terkenal kesusasteraan Inggeris, iaitu *Persuasion* oleh Jane Austen dengan menggunakan pendekatan stilistik korpus. Makalah ini membincangkan cara nahu memberi makna kepada teks sastera berdasarkan analisis terhadap dua buah kata nama yang signifikan kekerapannya dalam novel tersebut. Dapatan kajian terhadap bentuk mufrad dan jamak kedua-dua perkataan menunjukkan peranan signifikan yang dimainkan oleh kedua-duanya dalam binaan makna tematik dan teknik naratif yang digunakan dalam novel tersebut.

Analisis terhadap karya kesusasteraan dengan menggunakan pendekatan linguistik juga digunakan dalam makalah kedua yang membincangkan humor dalam *As I was Passing* (2007) karya Adibah Amin, pengarang kegemaran ramai di Malaysia. Dengan berpandukan teori, analisis menunjukkan bahawa humor dalam penulisan tersebut direalisasikan melalui penggunaan anjakan kognitif secara bijak yang mencetuskan tindak-tanduk yang tidak dikongkong serta rasa seronok yang menggembirakan dan bebas. Analisis tersebut juga mendapati bahawa pemahaman penulis tentang humor diserlahkan menerusi penggunaan bentuk janggal dan penyesuaian pola linguistik yang lucu.

Makalah ketiga pula merupakan sebuah huraian sejarah tentang penjajahan daerah Tapanuli di Indonesia oleh pihak Belanda selama hampir lapan dekad, 1849–1928. Penulis menghujahkan bahawa disebabkan faktor politik dan cita-cita ekonomi, pengembangan kawasan tersebut oleh pihak Belanda dicapai menerusi pelaksanaan penanaman paksa kopi di Tapanuli. Walaupun sistem penanaman paksa tersebut telah membantu pihak Belanda meraih keuntungan yang besar, namun begitu penduduk tempatan telah “dieksploit secara paksa tenaga mereka sebagai kuli”. Menurut penulis, penderitaan penduduk tempatan semakin meruncing apabila daerah Tapanuli dijadikan daerah pembayar cukai pada akhir abad ke-19.

Isu sejagat pemangsaan terhadap mereka yang miskin dan lemah juga dibincangkan dalam makalah keempat yang meneliti wacana kesakitan dalam novel *Under the Tongue* oleh Yvonne Vera. Analisis yang dibuat oleh penulis bertujuan untuk mempamerkan sumbangan bahasa monolog terhadap “pembentukan atmosfera tempat kesakitan wanita dapat dirasai”. Trauma yang dialami oleh mangsa dalam masyarakat yang ganas dipamerkan dalam novel tersebut melalui kronologi sumbang bahasa protagonis wanitanya. Penulis mendakwa bahawa kuasa bahasa wanita diserlahkan kembali oleh Yvonne Vera dalam konteks “pengorbanan wanita dilenyapkan oleh ahli historiografi”.

Makalah kelima dalam jilid ini ialah satu kajian tentang kesan terhadap alam sekitar akibat pesatnya kemunculan perumahan di kawasan tanah rendah di Asia Selatan. Berdasarkan satu kajian di wilayah Metropolitan Colombo di Sri Lanka yang melibatkan kerosakan besar-besaran kawasan tanah rendah, penulis mendakwa bahawa dapatan akhir kajian

mereka boleh digunakan sebagai “panduan dan indeks untuk memantau, mengurus dan membentuk kawasan tanah rendah sewaktu merancang bandar, menaik taraf rumah dan melakukan proses pemulihan”.

Makalah terakhir dalam koleksi ini ialah satu perbincangan menarik tentang sejenis komunikasi baharu yang dikenali sebagai *fansubbing* yang menautkan peminat animasi Jepun dari seluruh dunia. Sebagai satu kaedah terjemahan, *fansubbing* memperlihatkan “amalan kolaboratif”, iaitu peminat animasi Jepun berpeluang membantu penonton yang mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang bahasa sumber untuk memahami rancangan animasi Jepun tersebut. Berasaskan idea yang diutarakan terlebih dahulu tentang *fansub*, penulis mendakwa bahawa walaupun terdapat perbezaan antara *fansubbing* dengan amalan konvensional penyarikataan, *fansubbing* ialah satu penyelesaian pragmatik yang boleh dijadikan pelantar oleh peminat animasi Jepun untuk berkongsi pengetahuan tentang “bahasa sumber, budaya dan latar belakang animasi Jepun” dengan penonton.

Hajar Abdul Rahim
Ketua Sidang Pengarang
September 2018